



جَاهِدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. : 07-2199000

Faks : 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (39)
Takwim : 14 Safar 1446H
Tarikh : 19 Ogos 2024

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah
Syariah Negeri Johor

ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR BILANGAN 2 TAHUN 2024

Peraturan Pengeluaran Perintah Mahkamah bagi Kes *Mal* (Faraid)

Saya ingin menarik perhatian YA Tuan/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Syarie Negeri Johor Bil.2/2023 bertarikh 12 Januari 2023 bersamaan 19 Jamadilakhir 1444H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Peraturan Pengeluaran Perintah Mahkamah bagi Kes *Mal* (Faraid) sebagaimana berikut:-

1. Adalah diarahkan agar setiap penghakiman Kes Faraid hendaklah menggunakan kertas keselamatan perintah yang dibekalkan oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor sahaja.
2. Pemakaian kertas keselamatan perintah ini hendaklah digunakan di semua peringkat Mahkamah Syariah dalam Negeri Johor.
3. Kertas keselamatan perintah hendaklah diserahkan oleh Pembantu Tadbir Kewangan kepada Peguam Syarie atau Pembantu Hakim untuk disediakan perintah bersih hanya setelah kes tersebut diputuskan dan draf perintah disahkan oleh Hakim/Penolong Pendaftar.
4. Bilangan kertas keselamatan perintah yang diserahkan itu hendaklah mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar.
5. Ketua Pendaftar hendaklah memantau pengeluaran dan penggunaan setiap kertas keselamatan perintah.
6. Pembantu Tadbir Kewangan hendaklah merekodkan setiap pengeluaran kertas keselamatan perintah di dalam buku rekod kertas keselamatan perintah.
7. Kertas keselamatan perintah yang rosak atau telah dibatalkan hendaklah dikembalikan kepada Penolong Pendaftar untuk dikumpulkan dan diserahkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan untuk dilupuskan.
8. Penggantian kertas keselamatan perintah yang baru hendaklah mengikut sebagaimana arahan perkara 4 dan 6 di atas.
9. Arahan Amalan YAA Ketua Hakim Syarie Negeri Johor Bilangan 2/2019 adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2024.



(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor